

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH - BN]**

SOALAN NO. 55

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sasaran prestasi atlet yang menjalani Program Podium dan sejauh mana Kementerian sentiasa komited dalam usaha mencungkil bakat baru dalam pelbagai sukan terutamanya yang dipertandingkan di arena antarabangsa bagi melonjakkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.

158

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara (ISN) di bawah Program Podium menetapkan 5 objektif utama bagi merealisasikan pencapaian terbaik dalam sukan negara. Sasaran utama adalah untuk memenangi pingat emas pertama di Sukan Olimpik Tokyo 2020. Selain itu, pencapaian 10 teratas di Sukan Komanwel serta Sukan Asia di Jakarta pada tahun 2018. Program Podium juga mensasarkan sekurang-kurang 10 atlet berada pada ranking 6 terbaik dunia yang mana sehingga Januari 2018 seramai 23 atlet telah berada pada kedudukan 6 terbaik dunia.
2. Selain itu, Program Podium juga akan memastikan kelestarian kecemerlangan dalam sukan melangkaui tahun 2020. Bagi merealisasikan matlamat berkenaan Program Podium mengaplikasikan Sistem Pengurusan Atlet (AMS) di mana sistem ini berupaya untuk merekod rancangan dan program atlet, menyimpan data yang relevan daripada ujian dan sesi yang dijalankan atlet serta pengurusan dan pemulihan kecederaan. AMS juga membolehkan semua data atlet disimpan, dikumpul dan dianalisis secara berpusat. Penyesuaian latihan melalui analisis data juga boleh disampaikan kepada jurulatih dan atlet melalui sistem kepada alat komunikasi. Maklumat daripada AMS ini juga boleh digunapakai pada masa akan

SULIT

datang dengan terus memperbaiki asas-asas kejayaan bagi atlet sukan Malaysia.

3. KBS juga sentiasa komited dalam mencungkil bakat baharu melalui pelaksanaan program *Talent Outreach* yang bertujuan untuk memperluaskan pendedahan dan penglibatan sukan di kawasan luar bandar serta kawasan yang kurang mendapat pendedahan sukan melalui jurulatih yang bertauliah. Ini dapat meningkatkan lagi peluang peserta yang berbakat melalui pendedahan latihan secara sistematik pada peringkat awal supaya bakat dan kebolehan dapat ditonjolkan.
4. Terdapat 10 pusat latihan sedang beroperasi di Negeri Perak, Selangor, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Lima lagi pusat latihan baharu akan ditubuhkan dan beroperasi pada 2018. Jenis sukan bagi setiap pusat latihan adalah berdasarkan kepada sukan teras dan sukan yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa.
5. Selain itu, Program Kompas Juara juga diperkenalkan bagi membolehkan pemantauan perkembangan bakat sukan yang lebih cekap dengan kos yang lebih rendah melalui pembangunan sistem pintar yang boleh meramalkan potensi masa hadapan atlet melalui '*performance predictors*' yang turut mengambil kira aspek kematangan individu.

Sekian, terima kasih.